

BAHAYA 'IKAN ASING'

*Pelbagai spesies ikan tempatan
diancam kepupusan akibat
habitat diceroboh*

Oleh Abnor Hamizam Abd
Manap
am@hmetro.com.my

KM 05/09/23 NIS 3
Jelebu

Pencerobohan 'ikan asing' seperti spesies baung ekor merah, keli Afrika, ikan *peacock bass*, kerapu lombong dan ikan *aligator gar* antara punca kepupusan pelbagai ikan spesies tempatan di negara ini.

Sungai utama di negara ini dipercayai sudah menjadi tempat tinggal beberapa spesies ikan luar yang lahap memakan spesies ikan tempatan berikutan sifat karnivor ataupun omnivor dimiliki.

Jurucakap Jabatan Perikanan Malaysia berkata, ikan baung ekor merah berasal dari negara jiran, Thailand pada awalnya dibawa secara tidak sah untuk ditanam di dalam sangkar atau kolam.

Katanya, kadar tumbesaran ikan baung ekor merah yang pantas dan memakan apa sahaja ikan tempatan dianggap ancaman terbesar.

"Ikan ini menjadikan ikan asli sungai negara kita sebagai diet utamanya. Apabila ikan ini terlepas ke sungai disebabkan pelbagai faktor

seperti bencana banjir, sangkar pecah atau air kolam melimpah, 'ikan asing' ini boleh mengadaptasi sungai kita dengan cepat dan berupaya membiak dengan baik.

"Ikan baung ekor merah ini turut akan memakan anak ikan dan udang yang terdapat di dalam sungai menyebabkan ikan asli tempatan terancam serta akan pupus jika dibiarkan berterusan," katanya dalam satu kenyataan.

Pelbagai pihak termasuk orang ramai perlu memastikan perairan umum di negara ini bebas 'ikan asing' termasuk tidak membuangnya ke dalam sungai.

Sementara itu, Ketua Daerah Perikanan Jebeu Mohd Azhar Jusoh berkata, ikan baung ekor merah hanya memerlukan tempoh enam bulan bertukar menjadi ikan gergasi dengan berat melebihi 10 kilogram.

"Hanya dengan cara memancing atau memasang tajur dapat mengurangkan dan menghapuskan ikan asing ini.

"Justeru program memburu baung ekor merah yang akan dilaksanakan pada 29 Julai ini bagi menghapuskan ikan berkenaan," katanya.

»INFO

Ikan baung ekor merah berasal dari negara jiran, Thailand pada awalnya dibawa secara tidak sah untuk ditanam di dalam sangkar atau kolam.

Kadar tumbesaran ikan baung ekor merah yang pantas dan memakan apa sahaja ikan tempatan dianggap ancaman terbesar.

Ikan baung ekor merah ini turut akan memakan anak ikan dan udang yang terdapat di dalam sungai menyebabkan ikan asli tempatan terancam dan akan pupus jika dibiarkan berterusan.

IKAN baung ekor merah yang berjaya dipancing ketika program memburu ikan berkenaan di Jebeu.

ALIGATOR gar

